

29/07/2002

Gerakan syor 5 parti bincang isu kaum

KUALA LUMPUR, Ahad - Gerakan mencadangkan lima parti yang mewakili kaum Cina dalam Barisan Nasional (BN), membuat pendirian bersama berhubung isu perkauman dan ekstremisme.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata beliau akan mengajak pemimpin MCA, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) serta Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) di Sabah untuk berbincang dan mencari penyelesaian terhadap isu itu.

Selain itu, katanya, masyarakat Cina juga perlu menyatakan pendirian bersama berhubung beberapa lagi isu, termasuk penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah Cina serta penubuhan Sekolah Wawasan, bagi mengelak kekeliruan.

"Kita mahu melengkapkan usaha Umno yang mengambil pelbagai langkah bagi menangani masalah pelampau agama dan kaum yang dijalankan oleh pembangkang, khususnya Pas," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan Perak di Ipoh, hari ini.

Beliau mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pengasingan kaum, terutama generasi muda, yang kini semakin membimbangkan.

Dr Lim berkata, Gerakan berpendapat parti yang aktif memperjuangkan isu masyarakat Cina perlu memainkan fungsi untuk membanteras masalah perkauman dan pelampau agama di kalangan masyarakat berkenaan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu pula meminta rakyat mengekalkan perpaduan kaum yang wujud sejak sekian lama, walaupun ada pihak tidak bertanggungjawab cuba menggugat keharmonian kaum dan kestabilan negara.

"Kita semua bertanggungjawab terhadap negara kita sendiri. Kita tidak boleh menjejaskan perpaduan di kalangan masyarakat," katanya selepas majlis penghargaan sukarelawan Yayasan Strategik Sosial (YSS).

Sementara itu, Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas menyarankan kerajaan memperkenalkan mata pelajaran bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah kebangsaan bermula dari tahun satu sekolah rendah bagi menarik ibu bapa bukan Melayu menghantar anak ke sekolah kebangsaan.

Katanya, mata pelajaran agama Hindu dan Buddha juga perlu diterapkan dalam masa persekolahan walaupun cuma 15 minit sehari bagi memastikan rakyat memahami dan lebih peka terhadap amalan dan kepercayaan penganut lain.

"Pengajaran empat bahasa, iaitu Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil secara wajib di sekolah mungkin dapat mengawal sifat ekstremisme dan mengurangkan perpisahan kaum," katanya selepas majlis ceramah Wanita dan Kesedaran Politik di sini.

Katanya, berbanding kaum lain, pelajar Melayu agak ketinggalan kerana hanya berpeluang mempelajari dua bahasa, sedangkan kaum lain mempelajari dan menguasai tiga bahasa.

Di JOHOR BAHRU, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata sikap ibu bapa menghantar anak ke sekolah satu aliran dikenal pasti menjadi punca berlaku pengasingan kaum di kalangan generasi muda.

Beliau berkata, tindakan itu menyebabkan pelajar gagal berinteraksi dan bergaul mesra hingga menyebabkan wujud jurang yang ketara.

Sebab itu, katanya, Sekolah Wawasan diwujudkan bagi mengukuhkan perhubungan antara kaum di kalangan pelajar.

Berdasarkan laporan, katanya, Sekolah Wawasan menunjukkan perkembangan positif di mana pelajar dapat bergaul tanpa mengira kaum dan keturunan.

Tokoh pendidikan, Tan Sri Awang Had Salleh, sependapat bahawa konsep

Sekolah Wawasan adalah langkah terbaik untuk mengatasi masalah pengasingan kaum.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak terutama kaum Cina yang meragui konsep Sekolah Wawasan, membuka minda bagi memastikan hubungan antara kaum yang kini semakin regang dapat dirapatkan kembali.

Presiden Persatuan Kebangsaan Institusi Pendidikan Swasta dan Bebas (Napie), Dr Mohamed Talha Alithamby, juga berpendapat pengasingan pelajar mengikut kaum bermula di peringkat sekolah menengah.

Beliau berkata, ketika di sekolah rendah, pelajar pelbagai kaum masih boleh bercampur kerana usia muda dan tidak mementingkan perbezaan agama atau bangsa.

"Bagaimanapun, selepas memasuki sekolah menengah, pelajar mula mengasingkan diri dan tidak mahu mencampur dengan kaum lain.

"Ini juga disebabkan acuan atau asuhan ibu bapa yang tidak mahu bergaul dengan kaum lain menyebabkan anak mereka turut terpengaruh," katanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin pula menasihatkan akhbar Cina supaya lebih bertanggungjawab dan mengambil berat soal perpaduan kaum.

Katanya, jika akhbar Cina berterusan mengabaikan tanggungjawab sosial, negara akan menjadi kucar-kacir kerana persefahaman kaum tidak lagi wujud.

"Peristiwa berdarah 16 Mei 1969 dan Ops Lalang 1987 perlu dijadikan pengajaran. Mereka (akhbar Cina) jangan terlalu berani dengan menyiarkan berita sensitif yang menyentuh dan mempertikaikan hak kaum lain," katanya.

DI KOTA KINABALU, Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata sudah sampai masanya golongan muda menghayati sepenuhnya sejarah perjuangan pemimpin terdahulu yang berjaya menuntut kemerdekaan tanpa perlu mengangkat senjata.

"Jika kita lihat generasi tua, mereka boleh bermesra walaupun berlainan agama atau kaum tanpa ada iri hati, mengadu domba atau menghina antara satu sama lain.

"Tetapi, yang sedihnya sekarang ada pula di kalangan orang muda yang mulai menyemai semangat ekstrim," katanya.

Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Keadilan Sabah di Kampung Air pula menolak tanggapan parti itu mengamalkan ekstremisme.

Beliau berkata, isu ekstremisme yang dibangkitkan Dr Mahathir tidak ada kaitan dengan parti itu.